

## Ibrah

## Sebarkan kempen cinta Rasulullah

**Dr Wan  
Haslan  
Khairuddin**



Timbalan Pengarah Pusat Islam dan Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, UKM

**Rabiulawal** memperingatkan kita kepada kelahiran insan teragung dan rasul terulung, Nabi Muhammad SAW. Ibnu Abbas RA menjelaskan Nabi SAW dilahirkan 50 hari selepas peristiwa Kaabah cuba diserang tentera Abraham.

Khabar gembira kelahiran itu diberitakan Nabi Isa AS direkodkan al-Quran bahawa Baginda memberikan berita gembira kedatangan seorang Rasul kemudiannya, iaitu Ahmad (Al-Saf: 6)

Kelahiran Nabi SAW juga berkenan Allah SWT terhadap doa Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS seperti dalam surah al-Baqarah ayat 129.

Sambutan Maulidur Rasul diberikan perhatian oleh Rasulullah SAW sendiri apabila Baginda berpuasa Isnin dan menyatakan: "Pada hari ini (Isnin) aku dilahirkan."

Menurut Imam Ibnu Kathir dan Imam Sayuti, Maulidur Rasul mula disambut besar-besaran Raja al-Muzaffar, iaitu pemerintah Irbil di utara Iraq, Abu Sa'id Kukburi ibnu Zayn al-Din (wafat 630 Hijrah) secara tahunan dengan mengagihkan harta serta kebaikan yang banyak.

Diceritakan sambutan Maulidur Rasul pada zaman baginda, bermula sejak Safar hingga akhir Rabiulawal.

Beliau membelanjakan sebanyak 300,000 dinar setahun khusus untuk sambutan Maulidur Rasul, manakala beribu-ribu sembelihan diagihkan kepada fa-

kir miskin.

Baginda juga pernah menghadiahkan 1,000 dinar kepada al-Hafiz Ibnu Dahyah kerana menulis kitab *Al-Tanwir fi Mawlid al-Bashir al-Nadhir* yang berkisar Maulidur Rasul.

Maulidur Rasul terus disambut sewaktu Kerajaan Fatimiyah dan Kerajaan al-Ayyubiyah dengan mengagihkan manisan dan sedekah kepada pihak memerlukan. Kemudian, khalifah dalam Kerajaan Uthmaniyah menjadikan Maulidur Rasul sebagai acara rasmi tahunan disambut pembesar di masjid dengan pembacaan al-Quran dan sirah Rasulullah SAW, selawat serta qasidah.

Sambutan itu bertujuan menzahirkan rasa syukur terhadap kelahiran insan teragung dan rasul terulung yang menjadi penyampai risalah Allah SWT bertepatan anjuran Allah SWT: "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya hendaklah dengan itu mereka bergembira." (Yunus: 58)

Tujuan utama sekalian Nabi dan Rasul diutuskan adalah untuk mengajak umat manusia mengesakan atau mentauhidkan Allah SWT.

Firman Allah SWT: "Dan sesungguhnya Kami mengutus dalam kalangan setiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): *Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut (sembahan selain Allah SWT).*" (Al-Nahl:36)

Pengutusan Nabi Nuh AS, Hud AS, Salih AS dan Syuib AS dikisahkan dalam ayat berasingan tetapi dengan misi sama, iaitu: "Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya." (Al-A'raf:59, 65, 73, 85)

Tujuan pengutusan Nabi Muhammad SAW dijelaskan tiga kali, iaitu dalam surah al-Isra' ayat 105; al-Furqan (56) dan Saba' (28) sebagai pembawa berita gembira bagi orang beriman dan



pembawa amaran kepada orang ingkar. Saba' ayat 28 dan al-Anbiya' (107) menjelaskan Baginda SAW diutuskan untuk seluruh umat manusia dan menjadi rahmat sekalian alam.

Nabi Muhammad SAW ialah insan teragung dan Rasul terulung. Kedudukan Baginda sebagai manusia paling berpengaruh diakui bukan Islam hingga Michael Hart dalam *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History* meletakkan Baginda sebagai insan di tangga pertama berbanding tokoh agama, falsafah, sains dan politik lain.

Baginda teladan, model dan figura 'rahmat' kepada sekalian manusia serta alam. Segala karakter atau posisi manusia dalam setiap aspek kehidupan boleh dirujuk kepada insan mulia rahmat sekalian alam ini.

Rasulullah SAW, contoh teladan dalam hubungan manusia dengan Pencipta dan hubungan

manusia sesama manusia. Baginda paling bertakwa dan mentaati perintah Allah SWT serta larangan-Nya.

Amal ibadat Nabi SAW terbaik dalam kalangan semua manusia. Dalam contoh hubungan manusia sesama manusia, Baginda ialah anak, suami, ayah, saudara, sahabat, rakan, jiran dan kenalan amanah serta bertanggungjawab.

Dalam aspek profesion, Nabi SAW ialah pendidik, pendakwah, pentadbir, pemerintah, panglima dan peniaga. Baginda pembangun manusia berpengetahuan dan berakhlak mulia. Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak baik.

Setiap orang beriman perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan. Mereka perlu hidup dengan 'gaya Rasulullah SAW'. Namun pepatah Melayu menyebut tidak kenal maka tidak cinta.

Masyarakat sama ada Muslim atau bukan Islam perlu diperkenalkan dengan diri serta karakter Junjungan Mulia ini. Pada tubuh Baginda terdapat segala kebaikan sama ada aspek jasmani dan rohani, fizikal dan spiritual.

Justeru, mari kita bangkit menjalankan usaha secara bersama untuk memperkenalkan insan mulia kepada seluruh masyarakat.

Ulama mengarang pelbagai kitab memperkenalkan Rasulullah SAW yang lazimnya kita dedahkan melalui kitab sirah Nabawiyah yang mencatatkan kisah atau riwayat hidup Baginda sejak kecil hingga wafat.

Namun, terdapat pelbagai genre kitab sirah dengan antara genre popular ialah al-Syama'il al-Muhammadiyah yang menyifatkan Baginda daripada sudut jasad, sifat, akhlak dan penjelasan terhadap keindahan serta kesempurnaannya.

Genre lain seperti al-Mu'jizat memperihalkan jenis mukjizat Rasulullah SAW; al-Khasa'is (keistimewaan); al-Huquq (hak perlu ditunaikan Muslim terhadap Baginda) dan al-Ma'azi (peperangan dilalui Baginda).

Penulis berpandangan kitab dan buku pelbagai genre yang dapat memperkenalkan serta menonjolkan peribadi Rasulullah SAW itu, perlu diterjemahkan kemudian dicetak secara rasmi dalam bahasa Melayu serta Inggeris.

Tindakan itu wajar dibuat pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jabatan agama atau jabatan mufti negeri dan diedarkan kepada seluruh masyarakat.

Kempen 'mengetahui Nabi Muhammad SAW' dan 'hidup gaya Rasulullah SAW' perlu digerak dan disuburkan sebagai usaha kesedaran kepada umat Islam sendiri dan masyarakat umum.